

WARGA EMAS DAN COVID-19

Kesan sampingan sebab utama halang warga emas dapatkan suntikan penggalak: Tinjauan

KEPRIHATINAN berkaitan kesan sampingan buruk daripada suntikan penggalak Covid-19 merupakan sebab utama yang menghalang warga emas daripada mendapatkan perlindungan tambahan.

Demikian menurut hasil kajian terkini melibatkan 6,418 warga emas berusia 57 tahun hingga 76 tahun yang dikendalikan Pusat Kajian Penuaan Berjaya yang berpangkalan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Kajian tersebut mendapati seramai 75 warga emas – sekitar 1 peratus – tidak ingin mendapatkan suntikan penggalak pertama, meskipun layak.

Separuh daripada mereka yang enggan mendapatkan

suntikan penggalak berkata mereka takut terkena kesan sampingan suntikan Covid-19 tersebut.

Antara sebab utama lain yang diberikan termasuk sudah pulih daripada jangkitan Covid-19 sebelum itu.

Suntikan vaksin yang tepat pada masanya penting terutama sekali sedang jumlah kes jangkitan Covid-19 semakin meningkat di Singapura, mencecah 11,504 – jumlah tertinggi dalam tempoh tiga bulan – baru-baru ini.

Kes jangkitan daripada sub-varian Omicron BA.4 dan BA.5 membentuk lebih 45 peratus kes di sini dua minggu lalu.

Risiko jangkitan Covid-19 yang teruk semakin meningkat bagi mereka yang berusia 50 tahun ke atas,

menurut Jawatankuasa Pakar Mengenai Covid-19 sebelum ini.

Warga emas berusia 60 tahun ke atas membentuk sekitar 1.5 peratus daripada warga Singapura, namun mereka membentuk lebih 70 peratus daripada kes kematian akibat jangkitan Covid-19 serta kes yang memerlukan rawatan intensif sebelum bermulanya gelombang Omicron Disember lalu.

Sejak 10 Jun, semua warga berusia 50 tahun ke atas boleh mendapatkan dos suntikan penggalak kedua, dan ramai yang telah pun menerimanya.

Dua pusat vaksinasi masih lagi beroperasi hingga kini. Pusat vaksinasi yang terletak di Pusat Konvensyen

Raffles City akan beroperasi hingga 19 Julai manakala tarikh tutup pusat yang terletak di bekas tapak Sekolah Menengah Hong Kah masih belum ditetapkan.

Sebanyak 10 pusat ujian dan vaksinasi bersama (JTVC) juga kini dibuka bagi mereka yang berusia 50 tahun ke atas untuk mendapatkan suntikan penggalak.

JTVC itu terletak di Jurong East, Pasir Ris, Kaki Bukit, Bishan, Commonwealth, Ang Mo Kio, Bukit Merah, Yishun, Woodlands dan Sengkang.

Sementara itu, lebih 50 tapak vaksinasi bergerak telah dibuka mulai 27 Jun.

Kesemuanya akan beroperasi hingga 29 Julai.

WARGA EMAS DAN SUNTIKAN COVID-19

Satu kajian baru-baru ini yang melibatkan lebih 6,400 orang berusia 57 hingga 76 tahun oleh Universiti Pengurusan Singapura menunjukkan lebih 1 peratus peserta tidak berniat mendapat suntikan penggalak pertama meski layak. Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung berkata kini masih ada 60,000 warga tua berusia 60 tahun ke atas yang masih belum mendapatkan suntikan penggalak pertama.

Profil warga tua yang layak mendapatkan suntikan penggalak tetapi masih belum mendapatkannya




- Secara amnya, tinggal di flat HDB satu hingga tiga bilik, kurang berpendidikan dan mempunyai kepercayaan rendah terhadap respons pemerintah terhadap pandemik
- Empat daripada lima sebab yang diberi termasuk keprihatinan mengenai keselamatan suntikan penggalak

Status vaksinasi secara keseluruhan pada April



Mereka yang layak bagi suntikan penggalak tetapi masih belum mendapatkannya



Tiga sebab utama tidak berniat mendapatkan suntikan penggalak tetapi masih belum mendapatkannya



Nota: Responden boleh menawarkan lebih daripada satu sebab

Tiga sebab utama tidak mahu mendapatkan suntikan penggalak meski layak




Nota: Responden boleh menawarkan lebih daripada satu sebab

Profil responden (%)

- Tidak divaksinasi langsung/ hanya divaksinasi sebahagian dan tidak layak untuk suntikan penggalak
- Divaksinasi penuh tanpa suntikan penggalak (satu dos tanpa memerlukan dos kedua, atau dua dos)
- Divaksinasi penuh dengan suntikan penggalak

JENIS RUMAH



PENDIDIKAN



KEPERCAYAAN TERHADAP RESPONS PEMERINTAH TERHADAP COVID-19 PADA APRIL (bilangan responden)



Nota: Perangkaan mungkin tidak capai 100 peratus jika dicampur kerana pembundaran

Sumber: Pusat SMU bagi Penyelidikan dan Penuaan dengan Berjaya
FOTO: FAIL GRAFIK BERITA HARIAN